



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**KENYATAAN TENDER**

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (LPIPM/CIDB)** dan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan mempunyai Sijil Taraf Bumiputera, dalam Gred atau Kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan untuk membuat tawaran bagi kerja berikut:

Bil.	Tajuk Dan No. Tawaran	Taraf/Syarat Pendaftaran	Tarikh dan Tempat Taklimat	Tarikh & Tempat Penjualan Dokumen	Tarikh & Tempat Tutup Tender	Harga Dokumen
1.	<b>PEMBINAAN SEKOLAH BARU 36 BILIK DARJAH DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN, SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUDAN, MIRI, SARAWAK (TENDER SEMULA)</b>  KP(BP-T) Ten.33/2024	<ul style="list-style-type: none"><li>◆ Taraf Bumiputra T1</li><li>◆ CIDB Gred G7</li><li>◆ Kategori: B</li><li>◆ Pengkhususan: B04</li> <li>◆ Berdaftar Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juru Perunding (UPKJ)/ Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA)</li> <li>◆ Mempunyai Perakuan Pendaftaran (PKK) dengan CIDB</li> <li>◆ Mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap oleh KKR</li></ul>	<p><b>Tarikh:</b> <b>9 Disember 2024 (Isnin)</b></p> <p><b>Pendaftaran:</b> <b>09.00-09.30 pagi</b></p> <p><b>Tempat:</b> <b>Sekolah Menengah Kebangsaan Tudan</b></p> <p><b>Taklimat: 09.30 pagi</b></p> <p>Lawatan ke tapak projek akan diadakan selepas taklimat.</p>	<p><b>10 Disember 2024 (Selasa) sehingga 18 Disember 2024 (Rabu)</b></p> <p>Tempat:  Kaunter Jualan Tender, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak Jalan Diplomatik Off Jalan Bako Petra Jaya 93050 Sarawak</p>	<p><b>9 Januari 2025 (Khamis)</b></p> <p>Sebelum atau pada jam <b>12.00 tengahari</b></p> <p>Tempat: Bilik Peti Tender, Bahagian Pembangunan Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya</p>	<p><b>RM500</b> (Dokumen dalam bentuk pen drive) akan (Tidak dikembalikan)</p>

2. Waktu urusan pembelian dan pertanyaan mengenai tender adalah seperti berikut :

HARI	WAKTU
Isnin hingga Khamis	9:00 pagi – 12:00 tengahari dan 2:30 petang – 4:00 petang
Jumaat	9:00 pagi – 12:00 tengahari

3. **Kaunter pendaftaran dibuka pada jam 09.00 pagi sehingga sesi taklimat bermula. Pendaftaran lewat tidak dibenarkan untuk menyertai tender.** Kontraktor yang hadir ke Taklimat dan Lawatan Tapak hendaklah membawa bersekali Sijil-sijil **ASAL** dan **SALINAN** (tidak akan dikembalikan), **Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputra. PERWAKILAN KUASA ADALAH TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI. Pengarah syarikat yang sah** dan dinamakan di dalam sijil sahaja dibenarkan menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak.

4. Dokumen hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang hadir ke taklimat dan lawatan tapak sahaja dan wakil sah kontraktor dengan menunjukkan dan mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa dan sijil-sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputera. Satu salinan bagi setiap sijil ini perlu dikemukakan semasa membeli dokumen tawaran untuk simpanan. (Tidak dikembalikan)

5. Bayaran dokumen hendaklah dibayar atas nama **KETUA AKAUNTAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA** berpalang dalam bentuk **Bank Draf sahaja**. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan.

6. Dokumen Meja Tender disediakan untuk semakan di **Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Jalan Diplomatik Off, Jalan Bako, Petra Jaya, 93050 Sarawak dan Kaunter Jualan Tender, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya** pada waktu pejabat sehingga dan termasuk tarikh tender dijadualkan ditutup.

7. Dokumen tender yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, dengan nombor dan tajuk tender dituliskan di kirinya dan dimasukkan ke dalam peti tender di alamat berikut :-

**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN  
ARAS 1, BLOK E2, KOMPLEKS E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62604 PUTRAJAYA**

8. Semua kos yang berkaitan dengan tawaran tender di atas adalah tanggungjawab kontraktor. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan sama sekali.

9. KPM tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan dengan tawaran ini.

10. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Seksyen Sarawak, Bahagian Pembangunan, KPM di talian 082-366550 atau melalui emel: [bp.srwk@moe.gov.my](mailto:bp.srwk@moe.gov.my)